



Nestlé Good food, Good life

Siaran Akhbar

Kuching, 18 Mac 2024

30 Tahun MAGGI® di Malaysia Timur: Diperbuat oleh Rakyat Malaysia, untuk Rakyat Malaysia

MAGGI® Hargai Komitmen Penjagaan Kualiti oleh Kilang Pembuatannya di Malaysia Timur dalam Penghasilan Mi MAGGI® 2 Minit yang Menjadi Pilihan Ramai

KUCHING, 13 MAC 2024 - Sempena sambutan ulang tahun ke-30 kilang pembuatan **MAGGI®** Malaysia di Kuching, MAGGI meraikan komitmennya, 'Diperbuat oleh Komuniti Sabah dan Sarawak, untuk Sabah dan Sarawak'. Pencapaian ini memberi penghormatan kepada warga kerja kilang **MAGGI®** di Sarawak, di mana dedikasi dan kecemerlangan mereka telah mencipta hubungan mendalam antara **MAGGI®** dengan komuniti Sabah dan Sarawak, sekaligus menjadikan **MAGGI®** sebagai 'Cita Rasa' makanan di rantau ini.

Selama lebih tiga dekad mengeluarkan mi **MAGGI®** di Kuching, 9 daripada 10 rumah di Sabah dan Sarawak memilih **MAGGI®** sebagai sesuatu yang wajib ada di dapur mereka. Mi 2 Minit, terutamanya perisa Asam Laksa cukup terkenal di Sabah, manakala perisa Ayam di Sarawak, termasuklah perisa Kari yang sememangnya menjadi pilihan utama di seluruh negara. Produk Mi **MAGGI®** 2-minit kini bukan sekadar hidangan harian, tetapi juga untuk pengalaman yang penuh nikmat bersama keluarga, lebih-lebih lagi hidangan mi memang sinonim dalam budaya komuniti di Sabah dan Sarawak. Mi **MAGGI®** 2 Minit turut memainkan peranan penting dalam tradisi masakan tempatan, di mana isi rumah Sabah dan Sarawak menikmati dua kali ganda lebih banyak Mi **MAGGI®** berbanding mereka yang berada di Semenanjung Malaysia.

"Dalam meraikan ulang tahun ke-30 **MAGGI®**, kami bukan sahaja memberi penghormatan kepada jenama ini, tetapi juga orang di belakangnya – daripada kakitangan kilang kami di Kuching sehinggalah kepada seluruh komuniti Sabah dan Sarawak. Kami berbesar hati berjaya menjadi nama terkenal di Sabah dan Sarawak, mencipta kenangan manis melalui produk yang memberikan rasa tersendiri yang dikenali dan disukai ramai. Rasa ini adalah sumber kebanggaan **MAGGI®**, hasil 'air tangan' rakyat Sabah dan Sarawak. Merekalah yang menyediakan hidangan **MAGGI®** dengan penuh kasih sayang melalui sentuhan peribadi masing-masing. Daripada semangkuk Mi **MAGGI®** 2 minit Asam Laksa dengan jeruk tuhan yang menyelerakan di Sabah, sehinggalah kepada hidangan Ayam Pansuh yang menjadi menu wajib keluarga setiap kali sambutan Hari Gawai. Sesungguhnya, inilah yang menjadikan **MAGGI®** sebagai jenama Malaysia yang sebenar, diperbuat oleh rakyat Malaysia, untuk rakyat Malaysia," kata **Ivy Tan, Pegawai Eksekutif Perniagaan, MAGGI®**.

Ulang tahun ke-30 ini meraikan orang di sebalik **MAGGI®** — daripada pekerja kilang di Kuching sehinggalah kepada seluruh komuniti Sabah dan Sarawak. Kilang pembuatan **MAGGI®** di Demak Laut, Kuching, Sarawak mengeluarkan Mi **MAGGI®** untuk Sabah dan Sarawak. Kilang tersebut menyediakan peluang pekerjaan kepada kira-kira 200 penduduk

tempatan terutamanya dari kawasan Bako, Muara Tebas, Goebilt dan Senari, sekaligus mengetengahkan komitmen **MAGGI®** terhadap komuniti Sabah dan Sarawak.

Di kilang, keluarga **MAGGI®** terdiri daripada ahli pasukan yang berdedikasi, yang datang daripada pelbagai latar belakang, tanpa mengira usia, malah ada yang telah memulakan kerjaya di sini sebaik sahaja tamat sekolah menengah. Bersama **MAGGI®**, mereka meraikan pelbagai peristiwa penting dalam hidup masing-masing, daripada melihat anak mereka melangkah ke universiti, sehinggalah kepada kegembiraan menerima cucu. Perjalanan setiap warga kerja **MAGGI®** adalah komitmen syarikat kepada tenaga kerjanya, mengetengahkan hubungan baik yang berpanjangan dan saling berkembang maju, yang sekaligus membawa makna yang cukup besar untuk jenama dan legasi **MAGGI®**.

Semasa majlis sambutan ulang tahun ke-30 kilang **MAGGI®** Kuching, 11 kakitangan telah diberi penghormatan dengan anugerah pencapaian seumur hidup, meraikan tiga dekad perkhidmatan mereka. Antaranya, Francis Then Joon Shin, dengan mesra menceritakan bagaimana **MAGGI®** membolehkan beliau menikmati kerjaya yang bermakna semasa masih tinggal di kampung halaman di Kuching. Dengan pertumbuhan peribadi dan profesional yang dicapai Francis di **MAGGI®**, Francis berbangga dapat menyediakan kehidupan yang lebih baik untuk keluarga dan menyumbang kepada masyarakat sekeliling.

Begitulah juga dengan Kahmisah Binti Laimi yang berkongsi kisah inspirasi beliau di **MAGGI®**, di mana beliau bermula pada usia 19 tahun sehingga mampu menjadi tulang belakang keluarga. Mengatasi cabaran peribadi, termasuk menjaga suami yang sakit dan menyara keluarga yang besar, Kahmisah kekal bertahan dan sokongan **MAGGI®** memainkan peranan yang cukup besar dalam kehidupan beliau. Tiga dekad beliau di **MAGGI®** bukan sahaja membolehkan beliau menyara keluarga tetapi juga menanamkan rasa bangga dengan pekerjaan yang dibuat, yang dicerminkan melalui perkhidmatan beliau yang penuh berdedikasi.

"Sejak tiga puluh tahun lalu, **MAGGI®** telah memupuk hubungan mesra dan semangat maju jaya sebagai sebuah keluarga. **MAGGI®** kini terus memperbaiki kehidupan, menghubungkan orang ramai melalui makanan yang enak dan merupakan sebahagian daripada kehidupan seharian di sini. Saya bangga menjadi warga kerja **MAGGI®** yang komited mempertahankan tradisi makanan di tempat kami tinggal," kata Sacher Ezra, Pengurus Kilang.

Untuk maklumat lanjut, layari [laman web MAGGI® Malaysia](#).

Tentang MAGGI®

MAGGI® adalah jenama global yang diiktiraf dan telah menjadi nama unggul di Malaysia. Misi utamanya adalah untuk mencipta makanan yang baik dan membawa keluarga lebih dekat bersama. Melalui pelbagai produk dan penyelesaian makanan, MAGGI® membantu ibu-ibu untuk menyediakan hidangan buatan sendiri yang lazat dan seimbang untuk keluarga setiap hari. Jenama ini juga komited kepada keperluan yang sentiasa penyediaan makanan, disamping menyediakan produk dan idea baharu yang menarik dan memberi inspirasi kepada keluarga Malaysia tentang kebaikan buatan sendiri. Untuk maklumat lanjut, sila layari www.maggi.my atau halaman Facebook di <http://www.facebook.com/MaggiMalaysia>.

Tentang Nestlé Malaysia

Nestlé merupakan pengeluar makanan dan minuman terbesar di dunia. Dengan lokasi ibu pejabat di Switzerland, Nestlé berada di lebih daripada 180 negara di seluruh dunia, dan 270,000 pekerja kami komited kepada tujuan Nestlé untuk membuka kuasa makanan bagi meningkatkan kualiti hidup setiap orang pada hari ini dan generasi akan datang. Prestasi kami didorong oleh strategi Pemakanan, Kesihatan, dan Kesejahteraan. Menyediakan makan kepada rakyat Malaysia sejak 1912, Nestlé telah mendapat kepercayaan pengguna melalui jenama dan produk berkualiti kami. Kami komited untuk meningkatkan kehidupan komuniti di mana kami beroperasi, sambil mengekalkan kecemerlangan dan integriti Halal kami.

Ini selari dengan janji kami untuk memberikan GOOD FOOD, GOOD LIFE buat semua. Untuk maklumat lanjut mengenai bagaimana kami berjaya memberi makan kepada rakyat Malaysia lebih daripada satu abad, sila layari www.nestle.com.my atau halaman Facebook kami di <http://www.facebook.com/Nestle.Malaysia>.

For more information, please contact:

Shaheen Zaffar

Nestlé (Malaysia) Berhad

Tel: +603 7965 6456

Mobile: +6012 235 6865

E-mail: Shaheen.Mohamedzaffar@my.nestle.com

Ooi See Bee

Mobile: +6012 389 2686

E-mail: oseebeerockwills@gmail.com